

# Kerajaan MADANI tekad bekerja, tunai tanggungjawab demi rakyat

Perdana Menteri jamin perkukuh usaha tangani cabaran tingkat kemakmuran

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Melangkah ke 2026, Kerajaan MADANI akan terus bekerja dengan amanah, keberanian, ihsan serta beriltizam melaksanakan tanggungjawab kepada rakyat, kata Datuk Seri

Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, tanggungjawab dengan penuh kejujuran adalah demi memberikan manfaat yang nyata kepada rakyat serta menjamin masa depan negara yang lebih sejahtera.

"Kita melangkah ke tahun baharu dengan semangat kebersamaan yang utuh dan tekad yang jitu untuk terus memperkukuh perpaduan.

"Kita juga akan memaknai reformasi secara berterusan serta memastikan kemakmuran negara dapat dirasakan oleh segenap lapisan rakyat Malaysia," katanya menerusi perutusan tahun baharu yang dikongsikan di Facebook.

Perdana Menteri turut mengajak semua rakyat pelbagai lapisan bangsa dan agama supaya bersatu serta tekad menjayakan Malaysia MADANI yang lebih adil, makmur serta berdaya tahan.

Beliau berkata, ia penting untuk memastikan kemakmuran yang inklusif untuk rakyat keseluruhannya.

"Semoga tahun 2026 ini menjadi tahun yang lebih cemerlang serta bermakna buat kita seluruh rakyat Malaysia. Saya dan (isteri, Datuk Seri Dr Wan) Azizah (Wan Ismail) mendoakan supaya negara tercinta ini terus kekal aman, harmoni dan makmur," katanya.

